



Enam dituduh jadi keldai akaun sindiket penipuan

Johor Bahru: Enam individu termasuk seorang wanita dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan menjadi keldai akaun kepada sindiket penipuan pinjaman, pelaburan dan pekerjaan tidak wujud hingga menyebabkan kerugian berjumlah hampir RM200,000.

Tertuduh, Muhammad Aiman Firdaus Sezaini, 21; Fadzil Abd. Aziz, 54; Eric Yeremia Kong, 27, dan Sarawut Chaorai, 34, mengaku bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan terhadap mereka di hadapan Hakim, Mohd Zamir Suhaimee dan Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Susulan pengakuan bersalah itu, Muhammad Aiman, Fadzil dan Sarawut, masing-masing didenda RM1,000 manakala Yeremia Kong didenda RM450 dan masing-masing boleh dipenjara sebulan sekiranya gagal membayar denda.

Berdasarkan pertuduhan, keempat-empat mereka didakwa secara tidak jujur menolong mengalihkan harta mangsa berjumlah antara RM384 hingga RM2,500.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di beberapa lokasi di Seri Alam, Johor Jaya dan Ulu Tiram, di sini antara 18 Jun hingga 19 Oktober 2025.



Fadzil (kiri) dan Yeremia Kong antara enam individu didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas pertuduhan menjadi keldai akaun.
(Foto Azizi Majid/BH)

Bagi perbuatan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 424 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan.

Sementara itu, Noor Shafiqah Zulaikha Abdul Halim, 22, dan Yap Kay Soon, 50, mengaku tidak bersalah menggunakan akaun bank syarikat membabitkan transaksi berjumlah RM157,000 dan RM30,000 tanpa tujuan yang sah dan menyalahgunakan untuk kegunaan sendiri.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Ulu Tiram antara 18 Disember 2023 hingga 29 Jun 2025 didakwa mengikut Seksyen 424C(1) Kanun

Keseksaan dan Seksyen 403 Kanun Keseksaan.

Noor Shafiqah boleh dihukum penjara tidak lebih 10 tahun atau denda tidak lebih RM150,000 atau kedua-duanya sekali manakala Kay Soon dihukum dengan penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, R. Nevina dan Nurul Syafiqah Sha'ari manakala kesemua tertuduh tidak diwakili peguam bela.

Mahkamah membenarkan Noor Shafiqah dan Kay Soon masing-masing diikat jamin RM5,000 dan RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 2 Julai depan sebagai sebutan semula kes.